

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di dalam Bab Pendahuluan ini, penulis akan membuat pengenalan secara umum tentang disertasi ini. Ianya membincangkan tentang latarbelakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, objektif penyelidikan, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

1.2 Latarbelakang Masalah

Perbincangan tentang tokoh-tokoh yang digolongkan sebagai *salafi* seringkali dilabelkan dengan pelbagai gelaran seperti melampau, ekstrim dan sebagainya kerana tidak berkompromi dengan pegangan dan amalan-amalan yang dilakukan para 'ulama' khususnya di Nusantara. Ibn Qayyim al-Jawziyyah juga dikatakan turut tergolong dalam kelompok 'ulama' seperti ini. Tambahan pula beliau merupakan murid kepada Ibn Taymiyyah. Tohmahan-tohmahan seperti ini menyebabkan penulis tertanya-tanya adakah beliau berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jaamah atau pun tidak.

Kedudukan Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai murid kepada Ibn Taymiyyah juga turut menyebabkan beliau dikatakan mempunyai pendapat yang sama dengan gurunya. Perbincangan dan penulisan mengenai gurunya amat meluas dan masyarakat

Islam khususnya di Nusantara lebih mengenali gurunya. Mereka kurang mengetahui tentang latarbelakang beliau serta pemikirannya. Setakat ini penulis hanya menemui sebuah kajian mengenainya di peringkat sarjana yang ditulis dalam bahasa Melayu. Kajian tersebut berjudul 'Pemikiran Ibn Qayyim Mengenai Pendidikan Kerohanian' yang dilakukan oleh Puteh Ishak di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Keterbatasan bahan bacaan ini menyebabkan beliau seringkali dikatakan mempunyai persamaan dengan gurunya samada dari segi kehidupan, pemikiran dan sebagainya. Apakah dakwaan seperti ini benar atau tidak? Keadaan sebegini mendorong penulis untuk memulakan kajian ini.

Lain-lain label juga turut dilemparkan kepadanya dan lain-lain 'ulama' yang dikatakan mempunyai aliran yang sama dengannya. Antaranya dikatakan mereka seperti golongan *mujassimah* dan *musyabbihah* kerana tidak membuat sebarang takwilan terhadap sifat-sifat Allah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Tuduhan seumpama ini tidak dapat dipastikan kebenarannya jika tiada kajian dibuat berkaitan dengannya.

Di kalangan masyarakat Melayu juga wujud salah faham tentang definisi dan pengertian tauhid. Menurut Ismail Omar, ianya berpunca dari salah penerimaan sumber-sumber aqidah yang asli tidak sepertimana yang diamalkan oleh para sahabat dan 'ulama' terawal yang lain.¹ Salah faham seumpama ini akan terus menular

¹ Ismail b. Omar, *Manhaj Aqidah Ahli al-Sunnah wal Jamaah*, Shah Alam : Access Infotech(M) Sdn Bhd, cet. 1, 1402 H, hal . 85.

sekiranya tidak ada usaha-usaha untuk mengembalikan mereka kepada sumber-sumber aqidah yang asli. Usaha-usaha menjernihkan pemikiran mesti berjalan terus menerus bagi memastikan mereka memahami dan menyedari tentang kesilapan yang berlaku dikalangan mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk memastikan sejauhmanakah dakwaan-dakwaan yang telah dibuat terhadap beliau mempunyai asas kebenaran atau pun tidak. Dengan ini dapat menjernihkan suasana tuduh menuduh di kalangan masyarakat Islam dan seterusnya membetulkan keadaan scumpama ini. Para 'ulama' sebenarnya sepakat dalam perkara asas tetapi boleh berbeza dalam perkara-perkara cawangan.

Di kalangan masyarakat Melayu pula, mereka perlu diajak untuk kembali mendapatkan sumber-sumber asli dari al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah khususnya dalam perkara berhubung dengan aqidah Islamiyyah.

Disamping itu, diharapkan hasil kajian ini boleh memperkayakan lagi khazanah ilmu Islam dalam bahasa Melayu.

1.3 Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah

Tajuk penyelidikan disertasi ini ialah "*Konsep Tauhid Dan Sifat-sifat Allah Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah*". Sebelum penulis menjelaskan maksud pengertian tajuk ini, penulis terlebih dahulu akan menghuraikan beberapa istilah yang digunakan untuk menyusun tajuk kajian ini. Istilah-istilah tersebut ialah "*konsep, tauhid dan sifat-sifat Allah*".

Perkataan "*konsep*" bererti pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu perkara atau suatu tanggapan atau idea mengenai sesuatu perkara.²

"*Tauhid*" pula bermaksud ilmu berkaitan dengan keesaan Allah.³ Ia juga bermaksud mengesakan Allah dari segala sudut samada kekuasaanNya, perbuatanNya, dhatNya, sifatNya serta menafikan wujudnya sebarang tandingan dalam penyembahan dan peribadatan kepadaNya.⁴

"*Sifat-sifat Allah*" pula bermaksud segala sifat-sifat kesempurnaan yang bersih dari segala kekurangan serta tiada sesuatu yang menyerupaiNya. Sifat-sifat tersebut hanya khusus untuk Allah. Segala sifat-sifat tersebut ditetapkan oleh Allah sendiri di dalam al-Quran dan hadith-hadith sahih. Ini bererti sifat-sifat Allah adalah *tauqifi*.⁵

² Sheikh Othman b. Sheikh Salim, *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, 1991, hal . 651.

³ *Ibid*, hal . 1303.

⁴ al-Syeikh Sulaiman b. Abdullah b. Abd. Wahab, *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, Beirut : al-Maktab al-Islami, cet. 5, 1402 H, hal . 32-33.

⁵ Ismail b. Omar, *op. cit.*, hal. 138

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa kajian ini sebenarnya cuba mengkaji tentang konsep tauhid dan sifat-sifat Allah berdasarkan huraian yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Pada hakikatnya huraian yang dibuat oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah tentang perkara di atas adalah berdasarkan kefahaman beliau terhadap al-Qur'an dan al-Hadith.

Berdasarkan tajuk kajian ini, penulis akan menyelidiki beberapa aspek berkaitan sebagaimana berikut :

- a. Sejarah kelahiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah, keluarganya, pengajiannya dan suasana zaman kehidupannya.
- b. Penjelasan mengenai manhaj dan sumber yang dipakai oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengenai aqidah Islamiyyah khususnya tentang konsep tauhid dan sifat-sifat Allah.
- c. Menghuraikan secara mendalam pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah tentang konsep tauhid, pembahagiannya serta perkara-perkara yang boleh membatalkannya.
- d. Menjelaskan pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah tentang konsep sifat-sifat Allah, pembahagiannya serta jawapan beliau terhadap pelbagai tohmahan yang menyamakan Allah dengan makhluk atau mentakwilkan mana-mana ayat *mutasyabihat*.

1.4 Objektif Penyelidikan

Objektif-objektif kajian disertasi ini adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengetahui ketokohan Ibn Qayyim al-Jawziyyah serta suasana zaman kehidupannya yang turut mempengaruhi pembentukan peribadinya. Dengan penelitian ini dapat menjelaskan sejauhmanakah pengaruh gurunya Ibn Taimiyyah dalam pembentukan peribadi dan pemikirannya.
 - b. Dapat mengenal pasti apakah manhaj dan sumber yang digunakan oleh tokoh ini dalam kajiannya terhadap aqidah Islam khususnya tentang konsep tauhid dan sifat-sifat Allah.
 - c. Untuk mengkaji sejauhmanakah pandangan beliau tentang konsep tauhid menyamai atau berbeza dengan pandangan 'ulama' yang lain. Dengan penjelasan ini dapat menghilangkan segala kekeliruan dan tohmahan terhadapnya mengenai perkara tersebut.
 - d. Untuk mengemukakan suatu analisis ilmiah mengenai konsep sifat-sifat Allah dan pembahagiannya sebagaimana yang dikemukakan oleh beliau. Seterusnya dapat dikenalpasti sejauhmanakah persamaan atau perbezaan antara beliau dengan lain-lain 'ulama' dan aliran pemikiran yang mempengaruhinya.
 - e. Untuk memperbanyakkan kajian mengenai beliau khususnya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah dalam bahasa Melayu. Setakat penelitian yang dibuat, hanya terdapat satu kajian mengenainya berkaitan dengan aspek kerohanian dibuat pada peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ... Dengan kajian ini, penulis dapat memberikan satu sumbangan yang berguna kepada para pencinta ilmu di tanahair yang tidak berpeluang mendapat

maklumat sebenar mengenai tokoh ini. Seterusnya dapat memperbetulkan beberapa idea kontroversi mengenai beliau dan beberapa tokoh yang sealiran dengannya di tanahair.

1.5 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penilitian.⁶ Metode adalah penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian dengan baik.⁷ Dalam penyelidikan ilmiah metode merupakan aspek penting bagi menentukan ketinggian mutu sesuatu kajian. Sesuatu kajian ilmiah dianggap lebih bermutu dan bernilai sekiranya metode-metode yang dipakai menepati dengan objek dan tujuan sesuatu penyelidikan tersebut.

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan penyelidikan perpustakaan "*Library Research*" yang berbentuk deskriptif dan analitis. Data-data telah diperolehi daripada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti buku, jurnal, risalah dan lain-lain samada dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris.

⁶ Imam Barnabid, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982, hal. 51.

⁷ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Pt P.T. Gramedia, 1977, hal. 16.

Untuk menyempurnakan kajian ini, penulis telah menggunakan dua metode utama
iaitu :

- a. Metode Pengumpulan Data.
- b. Metode Analisis Data.

Seterusnya, penulis akan menjelaskan penggunaan metode-metode tersebut dalam
kajian ini.

a. Metode Pengumpulan Data

Penulis telah menggunakan metode ini bagi mendapatkan data-data yang diperlukan
untuk penulisan kajian ini. Dalam pengumpulan data-data tersebut, penulis telah
mendapatkannya dari beberapa sumber. Sumber-sumber tersebut adalah sumber
primer dan sekunder tetapi kebanyakannya dari sumber primer. Oleh itu diharapkan
hasil dari kajian ini mempunyai nilai yang boleh dipertanggungjawabkan sebagai
sebuah karya ilmiah.

Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk disertasi ini, penulis telah
menggunakan beberapa metode iaitu metode sejarah(historis) dan metode
dokumentasi. Metode sejarah telah digunakan dalam bab kedua. Dalam bab ini,
penulis telah menggunakan metode ini untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan
dengan sejarah hidup Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan latarbelakang zaman
kehidupannya.

Metode dokumentasi pula membantu penulis untuk mendapatkan data-data dari pelbagai bahan rujukan samada berbentuk dokumen, catatan, kitab-kitab agama yang muktabar, buku-buku, ensaiklopedia, kamus istilah dan sebagainya. Al-Quran dan hadith juga termasuk di dalam bentuk dokumen. Penulis telah mengolah, membuat perbandingan dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap data-data yang telah diperolehi. Metode dokumentasi telah digunakan oleh penulis hampir keseluruhan bab di dalam disertasi ini.

Untuk mendapatkan data-data berkaitan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa buah perpustakaan iaitu :

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ii. Perpustakaan Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, Kelantan.
- iii. Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara, Shah Alam.
- iv. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- v. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.
- vi. Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- vii. Perpustakaan Masjid Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.
- viii. Perpustakaan Masjid Negara, Kuala Lumpur
- ix. Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

b. Metode Analisa Data

Setelah segala data dan dokumen diperoleh dan dikumpulkan melalui metode-metode sebagaimana di atas, penulis telah menganalisa pula data-data tersebut menggunakan metode-metode berikut :

- i. Metode Induktif.
- ii. Metode Deduktif.
- iii. Metode Komparatif.

Metode induktif ialah suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.⁸ Metode ini telah digunakan oleh penulis dalam keseluruhan kajian ini meliputi bab pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam. Hampir keseluruhan bab ketiga dan keenam telah dirumuskan oleh penulis menggunakan metode ini.

Metode deduktif ialah suatu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.⁹ Metode ini telah digunakan oleh penulis dalam keseluruhan aspek yang dikaji melibatkan semua bab disertasi khususnya tentang huraian terhadap konsep tauhid dan sifat-sifat Allah di bab keempat dan kelima.

⁸ *Op. cit.* , hal. 52.

⁹ *Ibid.*

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa pengkajian dilakukan.¹⁰ Penulis telah menggunakan metode ini khususnya dalam bab kelima dimana penulis telah membandingkan pandangan 'ulama' yang sealiran dan berlawanan dengan Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengenai sifat-sifat Allah. Dalam bab keenam penulis hanya menggunakan metode ini sewaktu membandingkan antara pandangannya dengan lain-lain 'ulama' dan aliran seperti muktazilah dan sebagainya berkaitan penggunaan akal. Begitu juga semasa penulis membuat kesimpulan tentang pandangannya mengenai ayat-ayat *mutasyabihat* jika dibandingkan dengan golongan yang berfahaman '*musyabbihah*' dan '*mujassimah*'.

1.6 Sistematika Penulisan

Disertasi ini mengandungi enam bab. Ia dimulai dengan **bab pertama** yang menjadi pendahuluan kepada penulisan ini. Bab pertama pengandungi latarbelakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, objektif penyelidikan, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Dalam **bab kedua**, penulis telah memaparkan tentang kelahiran tokoh ini, latarbelakang keluarganya, pendidikan yang dilaluinya, karya-karyanya, keperibadiannya, karya-karya yang dihasilkannya, pandangan 'ulama'-'ulama' lain

¹⁰ Abd. Halim Hj. Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1987, hal. 136.

mengenai ketokohnya dan huraian mengenai suasana zaman kehidupannya yang meliputi senario politik, perkembangan ilmu dan suasana kemasyarakatan.

Dalam **bab ketiga**, penulis telah membuat analisa mengenai manhaj dan sumber yang telah digunakan oleh beliau dalam perbincangannya tentang aqidah Islamiyyah. Ianya bertujuan untuk melihat halatuju pemikirannya berkaitan persoalan aqidah. Dengan ini penulis akan dapat merumuskan aliran yang menjadi pegangannya.

Dalam **bab keempat** pula, penganalisan yang dibuat oleh penulis adalah berkaitan dengan konsep tauhid, pengertiannya, pembahagiannya dan huraian tentang perkara-perkara yang boleh membatalkannya menurut pandangan tokoh yang dikaji ini

Seterusnya di dalam **bab kelima**, penulis telah membahaskan tentang pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengenai konsep sifat-sifat Allah, jenis-jenisnya dan huraian terhadap perkara tersebut. Dalam huraian tersebut, penulis telah menjelaskan secara terperinci pandangan beliau tentang perkara tersebut serta membandingkannya dengan para 'ulama' yang lain.

Akhirnya, penulis telah membuat kesimpulan-kesimpulan umum secara keseluruhan tentang segala perbincangan yang terdapat dalam disertasi ini di **bab keenam**. Disamping itu beberapa cadangan juga telah dikemukakan oleh penulis untuk memastikan hasil disertasi ini boleh dihayati dan disebar dalam masyarakat Islam di tanahair.